

Amalan Aktiviti Berpusatkan Murid Dalam Proses Pembelajaran Sains di Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Menggunakan Kaedah *Gallery Walk*

Siti Aishah Binti Mohd Shariff

Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Baru, Melaka
sams251292@yahoo.com

ABSTRAK

Penulisan amalan terbaik ini bertujuan untuk mengamalkan aktiviti murid di dalam kelas melalui teknik perbincangan secara berkumpulan iaitu berkolaborasi dalam kumpulan kecil untuk berkongsi idea dan juga berkomunikasi melalui soalan, dokumen, gambar dan juga teks di kalangan murid Pendidikan Khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Baru Melaka dengan menggunakan strategi pengajaran *Gallery Walk*. Ini dapat mengatasi masalah murid bersikap pasif di dalam kelas. *Gallery Walk* merupakan antara satu strategi pengajaran yang sangat sesuai untuk dipraktikkan bagi pembelajaran abad ke 21. Pembelajaran berpusatkan murid ini membolehkan pelajar untuk berhubung secara aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Muhammad Ridwan (2019), Kajian penyelidikan kepada pendekatan *Gallery Walk* adalah amalan yang telah terbukti berjaya dalam menggabungkan strategi proses pembelajaran, untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang aktif. Fokus aktiviti amalan ini ialah untuk melihat bagaimanakah murid Pendidikan Khas melaksanakan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid menggunakan strategi pembelajaran secara *Gallery Walk*. Guru berfungsi sebagai perancang, fasilitator, pemerhati dan pemantau bagi memastikan setiap pelajar aktif dan belajar sepanjang tempoh pembentangan setiap kumpulan. Kumpulan sasaran pelaksanaan aktiviti amalan ini ialah seramai 6 orang murid Pendidikan Khas di kelas Sunflower pada tahun 2022. Data yang dikumpul dalam pelaksanaan aktiviti amalan ini adalah menggunakan soal selidik, pemerhatian dan temubual yang dianalisis secara deskriptif dan naratif. Dapatan aktiviti yang dijalankan menunjukkan aktiviti amalan ini berjaya meningkatkan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid dalam pembelajaran sains serta dapat menambah baik amalan guru di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek merangka, merancang dan melaksanakan aktiviti di dalam *Gallery Walk* tanpa menjejaskan elemen isi kandungan DSKP kurikulum yang telah ditetapkan.

Kata kunci : Masalah Aktiviti Pembelajaran Berpusatkan Murid, Murid Pendidikan Khas, *Gallery Walk*

Pengenalan Amalan Terbaik

Pembelajaran berpusatkan murid bermaksud penglibatan murid secara aktif dalam sesuatu aktiviti pembelajaran. Murid tidak terlalu bergantung pada arahan guru semata-mata dalam proses pembelajaran. Hal ini bermakna murid-murid itu sendiri

akan bergerak mengikut panduan dan nasihat yang diberikan oleh guru. Selain daripada itu, murid-murid tidak memencilkan diri mereka daripada rakan-rakan. Malah mereka memerlukan kerjasama antara satu sama lain untuk menyelesaikan sebarang masalah pembelajaran. Mereka menghargai satu sama lain, berkerjasama, saling bantu membantu dan sering bertukar-tukar idea dalam suasana yang ceria dan menyeronokkan. Menurut Manish Kishore Kumar (2016), berpusatkan murid memberi peluang bagi murid untuk bercakap dan mendengar secara bermakna, menulis, membaca, isi kandungan, idea, isu dan menzahirkan kebimbangan kepada subjek yang diajar. Gallery Walk merupakan strategi pembelajaran berbentuk perbincangan dalam kumpulan yang kecil untuk berkongsi idea dan berkomunikasi melalui soalan, dokumen, gambar, situasi dan teks. Selain itu, dapat mengembangkan pengetahuan dan keterampilan murid-murid dalam berfikir, berkomunikasi dan bekerjasama dalam mengumpul maklumat baharu dan memberi peluang kepada murid-murid memilih, mengolah dan menyampaikan maklumat dan pemahaman baharu yang diperolehi (Hailmi, 2016). Strategi ini juga dapat melatih murid-murid untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan melalui aktiviti soal jawab. Dalam konteks pendidikan, komunikasi merujuk kepada perbualan yang berlaku di antara guru dan murid atau murid dan murid untuk berkongsi ilmu yang difahami bersama rakan-rakan lain. Ini yang dikatakan sebagai komunikasi berpusatkan murid. Tewsbury et al.(2014) menyatakan Gallery Walk ialah strategi pembelajaran koperatif, murid digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan. Seterusnya menurut Fatin & Zahratun (2021), Ahmad Md Sharif (1994) yang mengatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menarik dalam kaedah Gallery Walk ini di mana ianya memberi peluang pelajar berinteraksi, berkomunikasi, mengalami dan menghayati proses pembelajaran dengan lebih berkesan.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Sebagai makluman, saya mengajar murid Pendidikan Khas yang terdiri daripada murid berkefungsian sederhana. Melalui pemerhatian saya, terdapat permasalahan dimana mereka menunjukkan penglibatan yang kurang aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ramai diantara mereka lebih cenderung untuk memilih diam dari berbicara dan berdialog bersama guru semasa sesi PdPc. Murid juga sukar memberi respons apabila sesi penyzoalan kerana kurang keyakinan diri. Murid hanya menerima apa yang diberi dan diajar oleh guru tanpa memberi idea dan pendapat masing-masing. Sukar untuk menunjukkan interaksi yang berlaku antara murid dengan murid dan murid dengan guru. Justeru itu, guru perlu mencerikan murid supaya objektif di kelas tercapai dan murid-murid dapat belajar sesuatu dengan aktiviti yang dijalankan. Penglibatan murid aktif adalah tunjang kepada PdPc yang berjaya. Herry (2017). Mereka akan sentiasa memberi respon kepada pembelajaran dan seterusnya memudahkan guru untuk membuat penilaian. Kepelembagaan kaedah penyampaian pengajaran merupakan komponen yang penting untuk meningkatkan penglibatan aktif terhadap pelajarannya.

Tercetusnya idea menggunakan salah satu kaedah strategi Pembelajaran Abad Ke-21 iaitu Gallery Walk dalam amalan terbaik ini adalah berdasarkan kelemahan murid untuk berinteraksi secara aktif dalam PdPc. Strategi Gallery Walk menjurus kepada aktiviti berpusatkan murid semasa PdPc. Kemahiran kritikal yang diterapkan dalam PAK21 adalah Komunikasi, Kolaborasi, Pemikiran Kritis, Kreativiti (IAB&KPM, 2017).

Melalui strategi ini saya akan memberi fokus untuk menerapkan elemen komunikasi dan kolaboratif dalam melaksanakan aktiviti amalan terbaik ini.

Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. Mewujudkan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid melalui elemen berkobalarasi
2. Mewujudkan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid melalui elemen berkomunikasi
3. Menghasilkan penglibatan yang aktif dalam aktiviti pembelajaran berpusatkan murid .

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Sebelum saya menjalankan amalan terbaik ini, saya telah membuat terlebih dahulu pelan perancangan yang teliti supaya pengkaji lebih memahami tindakan yang perlu dilaksanakan. Dengan itu, matlamat amalan terbaik saya dapat dicapai dengan betul dan tepat Kaedah yangdigunakan dan di amalkan ialah kaedah Gallery Walk sebagai intervensi amalan dalam mengatasi masalah penglibatan tidak aktif murid semasa PdPc di dalam bilik darjah.Berikut merupakan perancangan tindakan dalam melaksanakan amalan terbaik ini.

Fasa 1: Mengenalpasti Isu

Dalam mengenalpasti isu amalan ini, saya telah membuat pemerhatian senarai semak dokumen. Melalui hasil daripada pemerhatian murid semasa PdPc dikelas, saya dapati mereka mengalami masalah untuk melibatkan diri secara aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dan sesi penyoalan. Ramai yang bersifat pasif dan tidak cenderung untuk berbicara apabila diajukan soalan oleh guru. Didapati pelajar lebih banyak bergantung kepada guru untuk memahami sesuatu topik yang diajar.

Situasi Pembelajaran Berpusatkan Guru di Dalam Kelas



Pembelajaran berlaku melalui komunikasi satu hala iaitu antara guru dan murid sahaja. Murid bersikap pasif iaitu belajar secara bersendirian dan banyak bergantung kepada guru untuk memahami sesuatu topik yang diajar. Pengajaran kadang kala membosankan kerana tiada aktiviti yang melibatkan

penglibatan aktif pelajar dibuat. Guru lebih menumpukan kepada penyediaan dari segi nota dan latihan secara individu.

Fasa 2: Perancangan Tindakan Amalan Terbaik

Sebelum saya menjalankan amalan ini, saya telah membuat terlebih dahulu pelan perancangan yang teliti supaya saya lebih memahami tindakan yang perlu dilaksanakan oleh saya. Ini membantu saya mencapai objektif dengan betul dan tepat. Saya telah membuat rujukan beberapa kajian literature yang lepas berkenaan dengan isu saya ini bagi membolehkan Amalan Terbaik Guru dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Kaedah yang digunakan dalam amalan terbaik di sekoah saya ini ialah kaedah strategi Gallery Walk sebagai intervensi dalam mengatasi masalah penglibatan tidak aktif murid semasa PdPc. Berikut merupakan perancangan tindakan dalam melaksanakan amalan terbaik ini.


Jadual 1
Perancangan Tindakan Amalan Terbaik

BIL	TINDAKAN AMALAN TERBAIK
1.	Membuat pemerhatian spontan terhadap respon murid semasa PdPc di bilik darjah
2.	Menjalankan sesi senarai semak ke atas enam orang murid peserta kajian
3.	Menganalisis dapatan hasil pemerhatian dan senarai semak
4.	Merangka kaedah amalan yang sesuai
5.	Merancang penggunaan kaedah amalan
6.	Menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran
7.	Mengumpul dan menganalisis dapatan yang diperolehi
8.	Membuat penilaian dan rumusan




Jadual 2
Menjalankan Sesi Pengajaran dan Pembelajaran

Kaedah Pelaksanaan
Kolaboratif dalam dunia pendidikan pula adalah kerjasama yang wujud antara guru dan murid atau murid dan murid secara aktif dan menyeluruh, di mana, ia melibatkan pertukaran idea, pendapat atau pengetahuan antara murid-murid.
Langkah-Langkah: i) Murid dibahagikan kepada 3 kumpulan kecil. ii) Setiap kumpulan akan diberikan subtopik yang berbeza atau sama, bergantung kepada keperluan guru. iii) Murid diminta untuk berbincang di dalam kumpulan masing-masing dan seterusnya menulis jawapan mereka pada manila kad.
<p>Tajuk : Penjagaan Haiwan Ternakan</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="border: 2px solid orange; border-radius: 50%; padding: 10px; text-align: center;"> <p>Kumpulan 1 Cara Menjaga Haiwan Ternakan</p> </div> <div style="border: 2px solid orange; border-radius: 50%; padding: 10px; text-align: center;"> <p>Kumpulan 2 Aspek Penjagaan Haiwan Ternakan</p> </div> <div style="border: 2px solid orange; border-radius: 50%; padding: 10px; text-align: center;"> <p>Kumpulan 3 Kepentingan Penjagaan Haiwan Ternakan</p> </div> </div>

Tindakan Amalan Terbaik : **1. Mewujudkan Amalan Kolaboratif**

<p><u>Pelajar Sedia Bahan</u></p> <p>Tempoh masa diperuntukkan kepada murid untuk menyediakan bahan pembentangan mereka.</p>	<p>Saya mengarahkan murid supaya membahagikan tugas dengan baik supaya menjimatkan masa. Mereka juga dibekalkan dengan marker, manila kad, pensil warna, dan beberapa lagi bahan bantu jika perlu digunakan.</p> 
---	---


Tindakan Amalan Terbaik : **2. Mewujudkan Amalan Berkomunikasi**

Kaedah Pelaksanaan
<p>Guru mewujudkan komunikasi dua hala dalam kalangan murid-muridnya melalui :</p> <ul style="list-style-type: none">• pembentangan mengenai tajuk yang diberi• berbincang di dalam kumpulan sebelum pembentangan di hadapan kelas. <p>Langkah-langkah</p> <p>Semua kumpulan dikehendaki menampal manila kad agar mudah dilihat.</p> <ol style="list-style-type: none">1. Seorang murid akan dilantik dari setiap kumpulan. Murid ini akan berperanan untuk memberi penerangan terhadap hasil kerja kumpulannya.2. Setiap kumpulan kemudiannya akan bergerak dan melihat hasil kumpulan lain.3. Guru memastikan, wujudnya perkongsian/sesi soal jawab antara wakil kumpulan dan kumpulan yang datang melawat.4. Murid boleh membawa buku teks , nota semasa sesi pembentangan.5. Selesai semua bergerak ke setiap sudut, maka tiba giliran ketua-ketua kumpulan tersebut pula untuk bergerak ke sudut yang lain. Giliran mereka pula untuk mendengar rakan mereka membentangkan kepada mereka.6. Murid lain pula mengemaskini nota mereka dan melakukan semakan semula apa yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan mereka tadi. <div style="display: flex; justify-content: space-around;"></div> <p>Keberkesanan</p> <ol style="list-style-type: none">1. Melatih murid untuk berkomunikasi dengan berkesan melalui proses soal jawab.2. Melatih murid dari segi kemahiran mendengar.

Tindakan Amalan Terbaik : **3. Menghasilkan Penglibatan yang Aktif Dalam Aktiviti Pembelajaran Berpusatkan Murid**

Kaedah Pelaksanaan

1. Guru memainkan peranannya sebagai fasilitator iaitu sebagai perancang kepada pelaksanaan aktiviti kepada muridnya.
2. Guru memantau cara penyampaian murid-murid supaya pembentangan *Gallery Walk* menjadi pembentangan yang berkesan serta dapat memberikan maklumat yang berkualiti kepada murid lain.
3. Guru memastikan setiap pelajar aktif dan belajar sepanjang tempoh pembentangan setiap kumpulan.
4. Guru boleh memberi komen yang membina dari segi penggunaan bahasa badan, nada suara, tulisan, cara bertanya kepada rakan-rakan lain, cara menjawab soalan yang diaju, cara memberi maklum balas jika rakan bertanya soalan yang tidak dijangka dan sebagainya.
5. Guru membina keyakinan diri murid semasa berinteraksi bersama rakan-rakan lain kerana mereka mampu mendengar dan memberi maklum balas, mampu untuk memberi penerangan yang jelas dan ringkas.










Penglibatan yang aktif dalam aktiviti Pembelajaran Berpusatkan Murid

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Mewujudkan Aktiviti Pembelajaran Berpusatkan Murid Melalui Elemen Berkolaborasi

Keberkesanan Elemen	Aktiviti berpusatkan murid
<p>Berkolaborasi</p> <p>Daripada pemerhatian guru didapati :</p> <p>a) Interaksi antara kumpulan iaitu guru menggunakan kaedah pengajaran seperti pendekatan kumpulan, kaedah perbincangan yang menghasilkan kerjasama dan menggalakkan interaksi pelbagai hala antara guru dengan murid dan murid-murid lain di dalam bilik darjah.</p> <p>b) Murid-murid tidak memencilkan diri mereka daripada rakan-rakan. Malah mereka memberi kerjasama antara satu sama lain untuk menyelesaikan sebarang masalah pembelajaran. Mereka menghargai satu sama lain, bekerjasama, saling bantu membantu dan sering bertukar-tukar idea dalam suasana yang ceria dan menyeronokkan.</p>	<p>Sesi 1</p>   <p>Sesi 2</p>  

Mewujudkan Aktiviti Pembelajaran Berpusatkan Murid Melalui Elemen Berkomunikasi

Keberkesanan Elemen	Aktiviti berpusatkan murid
<p>Berkomunikasi</p> <p>Daripada pemerhatian guru didapati :</p> <p>a. Semasa sesi pembentangan murid nampak lebih santai dan selesa membentangkan tajuk kepada rakan-rakan mereka berbanding pembentangan di depan guru. Ini adalah sesuatu yang baik dalam menaikkan keyakinan diri pelajar untuk aktiviti pembentangan seperti ini.</p> <p>b. Murid mampu untuk memberi penerangan yang jelas dan ringkas</p> <p>c. Murid mampu mendengar dan memberi maklum balas apabila soalan diajukan.</p>	<p>Pembentang dari kumpulan 1 Pembentang dari kumpulan 2</p>     <p>Pembentang dari kumpulan 3</p>   



Menghasilkan Penglibatan yang Aktif Dalam Aktiviti Pembelajaran Berpusatkan Murid .

Aktiviti berpusatkan murid
<p>Daripada pemerhatian guru didapati:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid sangat bersemangat untuk berkolaborasi sesama mereka semasa menjalankan aktiviti ini. Mereka juga bekerjasama dengan baik dan teratur bagi memastikan tugas dapat dilaksanakan pada masa yang ditetapkan. 2. Murid nampak lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka dan

berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh ketika menyiapkan bahan pembelajaran. Paling penting mereka sangat aktif semasa pembelajaran ini.

3. Kualiti kerja kumpulan dan kualiti pembentangan murid tahap membanggakan guru.

4. Murid dapat menghindarkan diri dari belajar secara bersendirian.



Daripada temubual bersama murid :


Rumusan temubual menghasilkan pandangan positif dari murid. Murid berpandangan bahwa rakan-rakan dalam kumpulan terlibat dengan aktif semasa pembentangan. Mereka mengajukan dan menjawab soalan yang diberi oleh pembentang.

Analisis Soal Selidik

Rumusan soal selidik pandangan murid berkenaan strategi Gallery Walk di dalam PdPc.

Elemen	Pernyataan	% Setuju
Berkolaborasi	1.Tugasan pembelajaran saya melibatkan kerjasama dengan murid lain.	100 %
	2. Ahli dalam kumpulan saya bekerjasama dengan baik dalam menyiapkan tugas.	83 %
Berkomunikasi	3.Saya dan ahli kumpulan dapat berbincang tentang sesuatu topik bersama.	83 %
	4. Ahli kumpulan saya dapat membantu saya memahami sesuatu topik.	100 %
	5. Saya dapat melihat hasil kerja kumpulan lain melalui pembentangan.	100 %
Penglibatan aktif	6.Saya mencatat maklumat semasa sesi pembentangan hasil kerja kumpulan lain.	83 %
	7. Saya suka belajar cara ini iaitu Gallery Walk kerana situasi belajar sangat menyenangkan.	83 %
	8.Pembelajaran cara Gallery Walk memberi peluang murid belajar secara aktif bersama rakan dan guru.	83 %

Jadual 3
 Pandangan Murid Berkenaan Strategi Gallery Walk di Dalam PdPc



Analisis Soal Selidik

Merujuk rumusan soal selidik murid, didapati elemen berkobolarasi dan berkomunikasi dapat diwujudkan dikalangan murid dengan strategi *Gallery Walk*. Murid menunjukkan penglibatan diri secara aktif semasa PdPc. Murid bersifat aktif dan cenderung untuk berbicara semasa sesi pembentangan.

Analisis Pemerhatian

Berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dibuat guru mendapati aktiviti pembelajaran berpusatkan murid menunjukkan keputusan yang positif dan mencapai objektif.

Aktiviti amalan ini berjaya meningkatkan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid dalam pembelajaran sains.

Temubual Bersama Murid

Jadual 4
 Temu Bual dengan Maznah

Dialog	
Guru	Bagaimanakah perasaan Maznah setelah mengikuti pembelajaran dengan strategi <i>Gallery Walk</i> ?
Maznah	Seronok dan happy
Guru	Adakah kaedah ini memberi kesan kepada hubungan kamu dengan rakan sekelas ?
Maznah	Ye
Guru	Apakah kesannya?
Maznah	Lebih memahami antara satu sama lain
Guru	Dulu sebelum saya beri aktiviti ini kepada kamu adakah kamu seronok belajar
Maznah	Kurang
Guru	Adakah kamu rasa pembelajaran cara ini perlu dikekalkan di dalam kelas
Maznah	Perlu

Guru	Adakah rakan-rakan lain terlibat dengan aktif semasa pembelajaran ini?
Maznah	Ye...mereka terlibat aktif
Guru	Adakah keyakinan diri anda meningkat apabila bercakap didepan rakan kamu?
Maznah	Meningkat keyakinan diri saya

Analisis Temubual

Rumusan temubual menghasilkan pandangan positif dari murid dimana elemen berkobalarasi dan berkomunikasi dapat diwujudkan dikalangan murid dengan strategi *Gallery Walk*. Murid berpandangan bahwa rakan-rakan dalam kumpulan terlibat dengan aktif semasa pembentangan.

Rumusan dan Cadangan

Amalan terbaik ini telah dapat mewujudkan dan menghasilkan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid. Pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid mampu untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi yang merangkumi komunikasi verbal dan komunikasi tertulis seperti visual yang menggunakan huruf, angka, simbol, gambar untuk menyampaikan maklumat. Kolaborasi iaitu bekerjasama dalam kumpulan untuk menyelesaikan tugas telah meningkatkan keterampilan berkomunikasi di kalangan murid. Dapatan ini disokong dengan kajian Muhammad Ridwan (2019) yang menyatakan berdasarkan soal selidik didapati bahawa *Gallery Walk* sangat mempengaruhi pelajar dalam penyertaan aktiviti di bilik darjah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan pilihan pelajar dikuasai oleh pilihan persetujuan ke arah pelaksanaan *Gallery Walk*. Begitu juga dengan dapatan kajian Ainun Rahmah et.al (2017) menunjukkan murid-murid bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam semua keadaan semasa pembelajaran berlangsung. Menurut Hailmi (2016), daripada pemerhatiannya didapati pelajar sangat bersemangat untuk berkolaborasi sesama mereka semasa menjalankan aktiviti *Gallery Walk*. Mereka juga bekerjasama dengan baik, dan teratur bagi memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna. Keseluruhan dapatan menunjukkan kaedah ini memberikan hasil yang positif dan manfaat yang berkesan kepada guru dan murid. Selain daripada itu penggunaan kaedah ini menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Guru merasakan perlunya satu pelaksanaan amalan terbaik yang berkesinambungan setelah melihat keberkesanan pembelajaran menggunakan kaedah *Gallery Walk*. Aktiviti-aktiviti dalam kaedah ini dapat menggalakkan penglibatan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid.

Rujukan

Ainun Rahmah Ibrahimi, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna. (2017). Kajian Tindakan Chew Fong & Maisarah (2020): Kesan Strategi *Gallery Walk* Terhadap Pencapaian Murid-Murid Dalam Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu. www.josr.com/PDF/JOSSR-2019-05-12-06.pdf • PDF file

Ahmad Md Sharif (1994). Kajian Tindakan Fatin dan Zahratun (2021): Penggunaan kaedah *gallery walk* dalam pengajaran kursus dua 6022 komunikasi dan

penyiaran Islam:Satu Tinjauan di Politeknik.
conference.kuis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1041.pdf • PDF file

Hailmi (2016). Gallery walk sebagai strategi pengajaran.
<http://www.cikguhailmi.com/2016/01/gallery-walk-sebagai-strategi-pengajaran.html>

Herry (2017). Cara Merangsang Penglibatan Murid Aktif.
<https://mudahmengajar.blogspot.com/2017/05/cara...>

IAB & KPM (2017). Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 –Membalik Buku
Halaman 1-50 <https://anyflip.com/yunm/rqwy/basic>

Kementerian Pelajaran Malaysia.(2019). Kurikulum Standard Sekolah Menengah
Pendidikan Khas Pendidikan Sains Sosial dalam Alam Sekitar Tingkatan
4.Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan Khas

Manish Kishore Kumar (2016). Kajian Tindakan Nur Shafiqaa USM (2019): Amalan
Pembelajaran Berpusatkan Murid dan Keberkesanan Sekolah.
<https://www.academia.edu/40815969/Amalan>.

Muhammad Ridwan (2019). GALLERY WALK; An Alternative Learning Strategy in
Increasing Students' Active Learning
https://www.researchgate.net/publication/343683584_GALLERY_WALK_An_Alternative_Learning_Strategy_in_Increasing_Students'_Active_Learning

Tewksbury, B. & Heather Macdonald. (2014). Kajian Tindakan Chew Fong &
Maisarah (2020): Kesan Strategi Gallery Walk Terhadap Pencapaian Murid-
Murid Dalam Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu.
www.jossr.com/PDF/JOSSR-2019-05-12-06.pdf • PDF file